

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans Pengecualian Liabiliti Pembelian anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

Tarikh: 12/2025

1 Apakah UOB Pengecualian Liabiliti Pembelian?

UOB Purchase Liability Waiver memberikan perlindungan dan menanggung ganti rugi kepada pelanggan korporat bank (dikenali sebagai "Ahli Diinsuranskan") bagi pihak bank (dikenali sebagai "Diinsuranskan") terhadap kerugian yang ditanggung (dikenali sebagai "Caj yang Boleh Dikecualikan") yang disebabkan oleh:

- Kehilangan Caj yang Boleh Dikecualikan kepada bank (Diinsuranskan) akibat sebarang perbuatan kecurian yang dilakukan oleh mana-mana pekerja pelanggan korporat.
- Penggunaan atau transaksi yang tidak dibenarkan yang dilakukan oleh pekerja (Orang Diinsuranskan) majikan dengan menggunakan Kad Pembayaran yang dinyatakan dalam polisi ini untuk keuntungan peribadi mereka.
- Yuran juruaudit yang ditanggung bagi tujuan menyokong/men substansikan tuntutan.

Dengan syarat bahawa, apabila kejadian sedemikian berlaku, majikan hendaklah segera memberitahu UOB Bank dan/atau Liberty General Insurance mengikut peruntukan polisi, tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian Polisi Induk.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Polisi ini **melindungi**:

	Had Perlindungan (RM)	
	Setiap Orang Diinsuranskan	Setiap Ahli Diinsuranskan
Had (setahun)	RM75,000	RM4,950,000
Had polisi	RM4,950,000 (bagi setiap tuntutan dan agregat sepanjang Tempoh Polisi)	
Had Kawasan	Seluruh Dunia	

Polisi ini **tidak melindungi**:

- Kehilangan faedah (faedah yang dikenakan ke atas Kad Pembayaran) atau sebarang kerugian susulan/konsekuensial.
- Kehilangan yang disebabkan oleh sebarang perbuatan Pemegang Kad yang dilakukan sebelum tarikh mula perlindungan bagi Pemegang Kad tersebut.
- Caj yang ditanggung untuk pembelian barangan atau perkhidmatan yang merupakan pembelian biasa/berkala (pembelian yang kerap).
- Caj yang dibuat selepas Tarikh Pengecualian atau 14 hari selepas Diinsuranskan menerima permintaan untuk membatalkan Kad Pembayaran Pemegang Kad.
- Pendahuluan tunai yang melebihi RM900 sehari atau melebihi RM3,000 secara keseluruhan sebelum Tarikh Pemberitahuan Penamatan.
- Sebarang bentuk jaminan kewangan, penjaminan atau indemniti kredit.
- Perang, pencerobohan, perang saudara, pemberontakan, rusuhan tentera, revolusi, kebangkitan, pemberontakan atau penggunaan kuasa ketenteraan atau perampasan kuasa.
- Sebarang kerugian atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh risiko nuklear (radiasi, pencemaran radioaktif, bahan api/bahan buangan nuklear).
- Rusuhan.
- Sebarang tindakan keganasan, termasuk:
 - Tindakan keganasan atau ugutan yang bertujuan politik, agama atau ideologi.
 - Kerugian yang timbul daripada tindakan yang diambil untuk mencegah atau bertindak balas terhadap keganasan.
- Arahan atau perintah daripada mana-mana kerajaan, pihak berkuasa awam atau pegawai kastam.
- Penipuan atau pernyataan palsu oleh Diinsuranskan atau Pemegang Kad.
- Kerugian yang timbul daripada perbuatan yang melanggar undang-undang.
- Kerugian yang tidak berlaku dalam Tempoh Polisi.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan maklumat polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 88 8990



Layari kami di
www.libertyinsurance.com.my



Emel kami di
customer@libertyinsurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans ini berdasarkan ilustrasi, anda mesti membayar premium berikut:

Faedah dan perlindungan ini adalah di bawah Polisi Induk yang diambil oleh bank penerbit kad kredit bagi manfaat setiap Pemegang Kad. Premium untuk Polisi Induk ini dibayar oleh United Overseas Bank (Malaysia) Berhad (UOB).

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Duti Setem	RM10.00 (Ditanggung oleh United Overseas Bank (Malaysia) Berhad)
Komisen	Tidak Berkenaan
Cukai Perkhidmatan	Tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.

Nota: Ini adalah ilustrasi. Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada perlindungan polisi anda, tahap pendedahan risiko, serta kriteria pengunderaitan Liberty General Insurance Berhad.

4 Terma-Terma Utama Lain

- Kewajipan pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang diketahui atau patut diketahui, yang akan menjejaskan pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, seperti insurans dan sejarah kerugian anda. Anda mesti mendedahkan semua fakta yang relevan dengan jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans anda.
- Perubahan Risiko: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi. Ini bagi memastikan pindaan yang diperlukan boleh dibuat dan didokumenkan dalam polisi insurans anda.
- Had Geografi: 24 jam di seluruh dunia (kecuali negara-negara yang dikenakan sekatan sebagaimana dinyatakan dalam polisi atau menurut undang-undang antarabangsa).
- Tuntutan: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang tuntutan dalam tempoh 14 hari selepas kejadian, atau secepat yang munasabah jika kelewatan tidak dapat dielakkan.
- Kad Pembayaran bermaksud kad yang telah diisytiharkan kepada Liberty General Insurance Berhad dan dinyatakan dalam polisi serta kad yang sah yang dikeluarkan oleh Diinsuranskan kepada Orang Diinsuranskan dan/atau Ahli Diinsuranskan.
- Tarikh Pengecualian merujuk kepada tarikh penemuan kehilangan oleh Ahli Diinsuranskan.
- Had Masa Tuntutan: Tiada faedah tuntutan akan dibayar bagi sebarang tuntutan yang dikemukakan melebihi tempoh satu tahun dari tarikh kehilangan.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Anda digalakkan untuk merujuk polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Perlindungan di bawah polisi ini disediakan menerusi Polisi Induk di mana United Overseas Bank (Malaysia) Berhad (Pemegang Polisi) adalah pemegang polisi yang telah membayar premium. Polisi ini hanya boleh dibatalkan oleh Pemegang Polisi. Pemegang Polisi boleh membatalkan Polisi Induk ini pada bila-bila masa dengan notis bertulis yang diserahkan atau dihantar melalui pos kepada Liberty General Insurance Berhad.
- Sebagai pemegang kad kredit individu, anda tidak berhak untuk membatalkan polisi ini.